

02/11/1999

Beraksi mahu Karpal dikenakan tindakan

Fazallah Pit

KUALA LUMPUR, Isnin - Badan Bertindak Rakyat Anti-Karpal Singh (Beraksi) hari ini menyerahkan memorandum kepada Majlis Peguam menggesa siasatan dibuat terhadap Karpal Singh kerana dikatakan melanggar etika guaman.

Pengerusi badan itu, Datuk Mohd Noor Dom, berkata Beraksi mahu Majlis Peguam menyiasat Karpal yang didakwa melanggar peraturan 4, 5 (a), 5 (b) dan 17 Akta Profesion Guaman (Praktik dan Etika) Peraturan 1978.

Peruntukan itu memperuntukkan bahawa tidak ada peguam bela atau pendakwa boleh menerima kes yang mana dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa amalan profesionalnya mungkin boleh dicabar.

Beliau berkata, pada Ogos 1997 Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali pernah merujuk kepada Karpal berhubung kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menerima surat pengakuan sumpah Azizan dan satu surat yang ditandatangani Ummi Hafilda bertarikh 15 Ogos, tahun yang sama.

Menurutnya, Karpal kemudian memberikan pandangan guamannya kepada Azizan dan menasihatkan mereka berdua supaya bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pada bulan Oktober 1998, Karpal juga pernah mempersoalkan mengapa kerajaan tidak mendakwa Anwar mengenai kejadian liwat. Sekitar April atau Mei lalu, beliau mengutuk Anwar kerana aktiviti seks luar tabiinya dalam satu forum anjuran DAP.

"Bagaimanapun, Karpal kemudian bertindak menjadi peguam bela Anwar tanpa memaklumkan kepada mahkamah mengenai segala kenyataannya yang pernah dibuatnya terhadap Anwar sebelum ini. Ini bermakna beliau melanggar kerahsiaan hubungannya dengan Azizan dan Ummi Hafilda.

"Dengan ini, Karpal mengetepikan tanggungjawab profesionalnya dan bertindak sebagai askar upahan yang sanggup berbuat apa sahaja semata-mata atas kepentingan diri, asalkan dibayar.

"Ini mencemarkan nama baik profesion guaman, sekali gus menjejaskan imej perundangan negara," katanya.

Mohd Noor yang diiringi 30 orang menyerahkan memorandum yang ditandatangani 69 orang itu kepada Presiden Majlis Peguam, R R Chelvarajah. Memorandum itu diterima wakilnya, Pengarah Eksekutif Majlis Peguam, Catherine Eu, jam 12.25 tengah hari.

Mohd Noor berkata Beraksi yang baru ditubuhkan tiga hari lalu tidak mempunyai motif politik, sebaliknya mahu memelihara kedaulatan undang-undang negara.

"Karpal menjadikan mahkamah sebagai gelanggang politik. Itu yang kami kesalkan. Melalui bantahan secara rasmi ini, kami harap Majlis Peguam dapat mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata, Beraksi dianggotai 25 orang dari pelbagai lapisan masyarakat, antaranya golongan profesional, korporat dan rakyat biasa, dan akan memperjuangkan kedaulatan undang-undang tanpa mengira status politik seseorang.

"Kalau peguam Umno langgar undang-undang. Kita akan lanyak juga," tegasnya.

(END)